

# EMOSI, BAHASA FIGURATIF DAN TEORI RELEVANS

MARY FATIMAH SUBET  
NOR HASHIMAH JALALUDDIN



# EMOSI, BAHASA FIGURATIF DAN TEORI RELEVANS

---

Profesor Madya Dr Fatimah Hj Subet  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

# EMOSI, BAHASA FIGURATIF DAN TEORI RELEVANS

MARY FATIMAH SUBET  
NOR HASHIMAH JALALUDDIN

---

Profesor Madya Dr Fatimah Hj Subet  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2024

KK 499-320-0002011-49-4324-40101

Cetakan Pertama 2024

© Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Dicetak oleh  
Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.,  
No. 143, Jalan KIP 8,  
Taman Perindustrian KIP,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.

## KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah</i>	xi
<i>Senarai Jadual</i>	xiii
<i>Prakata</i>	xvii
<i>Senarai Singkatan</i>	xix
<b>BAB 1 EMOSI DALAM PELBAGAI DISIPLIN ILMU</b>	1
EMOSI DAN KESUSASTERAAN	1
EMOSI, BUDAYA DAN MASYARAKAT MELAYU	18
EMOSI, TINGKAH LAKU DAN PEMIKIRAN	21
KAJIAN TEORETIS EMOSI	25
EMOSI, BAHASA DAN LINGUISTIK	33
EMOSI DAN ANTROPOLOGI	38
EMOSI DAN PSIKOLOGI	40
<b>BAB 2 EMOSI, BAHASA FIGURATIF DAN TEORI RELEVANS: TINJAUAN DEFINISI</b>	44
EMOSI	44

BAHASA FIGURATIF	47
TEORI RELEVANS	50
Konteks	57
Kesan Konteks atau Kesan Kognitif	57
Usaha Memproses	59
ANALISIS EMOSI DENGAN TEORI RELEVANS: SATU CADANGAN SARJANA	63
<b>BAB 3 BAHASA FIGURATIF DAN ANALISIS TEORI RELEVANS</b>	82
PERSONIFIKASI, IRONI, HIPERBOLA, METAFORA, DAN SIMILE	88
TEORI RELEVANS DALAM BAHASA FIGURATIF PERSONIFIKASI	89
Bahasa Figuratif Personifikasi “Dua Nisan Terkapar Mati”	89
Bahasa Figuratif Personifikasi “Sebuah Dinding Tua”	102
Bahasa Figuratif Personifikasi “Hati Mereka Bersalaman dan Saling Berpelukan	107
Bahasa Figuratif Personifikasi “Urat-urat Daging-daging Tua Keras Terasa”	114
Bahasa Figuratif Personifikasi “Jiwanya Didewasakan oleh Pengalaman”	117
TEORI RELEVANS DALAM BAHASA FIGURATIF IRONI	119
Bahasa Figuratif Ironi “Sebuah Tubuh Lena, Pudar di Malam Gelita”	121
Bahasa Figuratif Ironi “Di sini Salji Lain Warna, Hitam, Hitam, Hitam”	128
Bahasa Figuratif Ironi dalam sajak “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya”	133
Bahasa Figuratif Ironi “Atau Hanya Pura-pura Berbakti, untuk Mencari Kesenangan Diri?”	135

Bahasa Figuratif Ironi “Perempuan Malang di Kamar Seribu Tamu”	138
TEORI RELEVANS DALAM BAHASA FIGURATIF HIPERBOLA	141
Bahasa Figuratif Hiperbola “Kasihnya Mati di Bawah Dada”	142
Bahasa Figuratif Hiperbola “Akan Kupintal Buih-buih Menjadi Tali Mengikatmu”	145
Bahasa Figuratif Hiperbola “Panas Dadamu Membakar Baju”	149
Bahasa Figuratif Hiperbola “Hati Penjual Pisang Sesak Berkocak”	152
Bahasa Figuratif Hiperbola “Bunga Darah Merah Menyimbah, Penuh Kengerian”	155
TEORI RELEVANS DALAM BAHASA FIGURATIF METAFORA	159
Bahasa Figuratif Metafora “Kolam-kolam Derita”	161
Bahasa Figuratif Metafora “Mengawal Ombak Emosiku”	163
Bahasa Figuratif Metafora “Pelabuhan Kebudayaan Peradaban Zaman”	165
Bahasa Figuratif Metafora “Budi yang Diapungkan di Dulang Ilmu”	169
Bahasa Figuratif Metafora “Alangkah Sunyinya Taman Hati Ini”	173
TEORI RELEVANS DALAM BAHASA FIGURATIF SIMILE	176
Bahasa Figuratif Simile “Jika Rasa Ini seperti Angin Malam”	178
Bahasa Figuratif Simile “Subur Laksana Ladang Petani di Lereng Gunung”	180
Bahasa Figuratif Simile “Meresap – Seperti Senyum Gadis di Pertemuan”	184

## KANDUNGAN

Bahasa Figuratif Simile “Laksana Permata yang Mengukir Kehalusan Budi”	188
Bahasa Figuratif Simile “Tiada Kenangan Sesedih Ini”	191
<b>BAB 4 PENGESANAN EMOSI DALAM BAHASA FIGURATIF</b>	195
MAKLUM BALAS KHALAYAK	197
TAFSIRAN MAKNA DAN PENGESANAN EMOSI	203
EMOSI DAN PERSONIFIKASI	205
Emosi dalam Personifikasi “Dua Nisan Terkapar Mati”	205
Emosi dalam Personifikasi “Sebuah Dinding Tua”	210
Emosi dalam Personifikasi “Hati Mereka Bersalaman dan Saling Berpelukan”	213
Emosi dalam Personifikasi “Urut-urut Daging-daging Tua Keras Terasa”	217
Emosi dalam Personifikasi “Jiwanya Didewasakan oleh Pengalaman”	221
EMOSI DAN IRONI	223
Emosi dalam Ironi “Sebuah Tubuh Lena, Pudar di Malam Gelita”	224
Emosi dalam Ironi “Di Sini Salji Lain Warna, Hitam, Hitam, Hitam”	227
Emosi dalam Ironi “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya”	229
Emosi dalam Ironi “Atau Hanya Pura-pura Berbakti, Untuk Mencari Kesenangan Diri”	231
Emosi dalam Ironi “Perempuan Malang di Kamar Seribu Tamu”	234
EMOSI DAN HIPERBOLA	237
Emosi dalam Hiperbola “Kasihnya Mati di Bawah Dada”	238

## KANDUNGAN

Emosi dalam Hiperbola “Akan Kupintal Buih-buih Menjadi Tali Mengikatmu”	240
Emosi dalam Hiperbola “Panas Dadamu Membakar Baju”	244
Emosi dalam Hiperbola “Hati Penjual Pisang Sesak Berkocak”	247
Emosi dalam Hiperbola “Bunga Darah Merah Menyimbah, Penuh Kengerian”	250
EMOSI DAN METAFORA	253
Emosi dalam Metafora “Kolam-kolam Derita”	253
Emosi dalam Metafora “Mengawal Ombak Emosiku”	256
Emosi dalam Metafora “Pelabuhan Kebudayaan Peradaban Zaman”	259
Emosi dalam Metafora “Budi yang Diapungkan di Dulang Ilmu”	262
Emosi dalam Metafora “Alangkah Sunyinya Taman Hati Ini”	266
EMOSI DAN SIMILE	269
Emosi dalam Simile “Jika Rasa ini seperti Angin Malam”	269
Emosi dalam Simile “Subur Laksana Ladang Petani di Lereng Gunung”	272
Emosi dalam Simile “Meresap – Seperti Senyum Gadis di Pertemuan”	274
Emosi dalam Simile “Laksana Permata yang Mengukir Kehalusan Budi”	277
Emosi dalam Simile “Tiada Kenangan Sesedih ini”	279
MAKNA PILIHAN	282
<b>BAB 5 EMOSI YANG TERSIRAT</b>	287
<i>Bibliografi</i>	301
<i>Indeks</i>	313



## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah 2.1</b>	Klasifikasi bahasa figuratif.	49
<b>Rajah 2.2</b>	Prinsip-prinsip dalam Teori Relevans.	54
<b>Rajah 2.3</b>	Usaha memproses dan kerelevanan ujaran dalam Teori Relevans.	61
<b>Rajah 4.1</b>	Frekuensi keseluruhan makna yang dipilih.	285



## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual 4.1</b>	Frekuensi dan peratus maklumat demografik responden.	198
<b>Jadual 4.2</b>	Frekuensi dan peratus pengetahuan tentang gaya BF.	199
<b>Jadual 4.3</b>	Frekuensi dan peratus pengetahuan tentang Usman Awang.	200
<b>Jadual 4.4</b>	Frekuensi dan peratus pilihan baris yang indah.	201
<b>Jadual 4.5</b>	Frekuensi dan peratus pilihan makna baris.	202
<b>Jadual 4.6</b>	Senarai Emosi Berdasarkan Kerangka Emosi Paul Ekman	204
<b>Jadual 4.7</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Dua nisan terkapar mati”.	205
<b>Jadual 4.8</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Sebuah dinding tua”.	210
<b>Jadual 4.9</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Hati mereka bersalaman dan saling berpelukan”.	213



SENARAI JADUAL

<b>Jadual 4.10</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Urut-urut daging-daging tua keras terasa”.	217
<b>Jadual 4.11</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Jiwanya didewasakan oleh pengalaman”.	221
<b>Jadual 4.12</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Sebuah tubuh lena, pudar di malam gelita”.	224
<b>Jadual 4.13</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Di sini salji lain warna, hitam, hitam, hitam”.	227
<b>Jadual 4.14</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan ... pembangunan”.	229
<b>Jadual 4.15</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Atau hanya pura-pura berbakti, untuk mencari kesenangan diri”.	231
<b>Jadual 4.16</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Perempuan malang di kamar seribu tamu”.	234
<b>Jadual 4.17</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Kasihnya mati di bawah dada.	238
<b>Jadual 4.18</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Akan kupintal buih-buih menjadi tali mengikatmu”.	240
<b>Jadual 4.19</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Panas dadamu membakar baju”.	244
<b>Jadual 4.20</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Hati penjual pisang sesak berkocak”.	247
<b>Jadual 4.21</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Bunga darah merah menyimbah, penuh kengerian”.	250

SENARAI JADUAL

<b>Jadual 4.22</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Kolam-kolam derita”.	253
<b>Jadual 4.23</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Mengawal ombak emosiku”.	256
<b>Jadual 4.24</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Pelabuhan kebudayaan peradaban zaman”.	259
<b>Jadual 4.25</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Budi yang diapungkan di dulang ilmu”.	262
<b>Jadual 4.26</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Alangkah sunyinya taman hati ini”.	266
<b>Jadual 4.27</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Jika rasa ini seperti angin malam”.	269
<b>Jadual 4.28</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Subur laksana ladang petani di lereng gunung”.	272
<b>Jadual 4.29</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Meresap – Seperti senyum gadis di pertemuan”.	274
<b>Jadual 4.30</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Laksana permata yang mengukir kehalusan budi”.	277
<b>Jadual 4.31</b>	Pilihan makna dan emosi dalam “Tiada kenangan sesedih ini”.	279
<b>Jadual 4.32</b>	Frekuensi dan peratus keseluruhan bagi makna pilihan responden.	282



## PRAKATA

**B**idang pragmatik telah terbukti berkesan dalam mencari makna yang lebih tepat dan sahih, antaranya ialah analisis makna dengan Teori Relevans (TR). Buku ini mengemukakan dapatan tentang pengesanan emosi melalui bahasa figuratif (BF) dengan menggunakan TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Dua Kaedah multidisiplin, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk mengesan emosi yang tersirat ini, lima jenis BF, iaitu personifikasi, hiperbola, ironi, metafora dan simile diteliti. Lima sampel dari setiap kategori BF ini dikesan dalam 25 BF daripada sajak-sajak karya Usman Awang. Data-data ini diterokai dengan TR untuk mengesan pelbagai makna tersirat yang disembunyikan. Dari sini, makna tersurat diterokai dengan selanjutnya untuk mengesan emosi yang tersirat pula.

Buku ini juga mengemukakan pelbagai emosi yang telah dikesan melalui soal selidik. 50 orang responden daripada pelbagai latar belakang dipilih secara rawak untuk mengesahkan kewujudan pelbagai emosi ini. Pelbagai emosi

## PRAKATA

telah dapat dikesan melalui interpretasi terhadap makna berlapis yang wujud dalam BF.

Pelbagai makna yang terselindung melalui penggunaan BF ini pula dikaitkan dengan emosi berdasarkan konteks dan penggunaannya. Penelitian yang dilakukan berdasarkan pertimbangan pragmatik khususnya dengan menggunakan TR ini telah dapat mencapai interpretasi ujaran yang lebih bersifat teoretikal. Dalam konteks mengesan emosi merupakan satu perkara yang sangat subjektif, tetapi dengan mengesan emosi secara lebih mendalam menggunakan pendekatan alternatif yang bersifat teoretis, hasil yang telah diperoleh adalah tinggi kesahihannya. Di sinilah TR menjadi pilihan, hal ini berjaya diaplikasikan kerana telah berlandaskan satu teori yang berwibawa dan hasil yang diperoleh tidak akan dipertikaikan.

Kaedah yang dilakukan sehingga membawa kepada penulisan buku ini adalah berasaskan cara penyelidikan kualitatif dan kuantitatif serta kaedah perpustakaan. Turut dikemukakan dalam buku ini ialah cadangan-cadangan yang boleh diambil kira oleh para pengkaji seterusnya yang berminat untuk menerokai sendiri bidang pragmatik ini.

Buku ini juga menyimpulkan bahawa TR itu dapat diaplikasikan bukan sahaja dalam aktiviti perbualan untuk mencari makna tersirat sesuatu ujaran, tetapi juga wujud dalam aktiviti bahasa yang bukan perbualan. Selain itu, hasil dapatan yang bersifat teori ini juga nanti akan dapat menambahkan lagi bukti-bukti yang sedia ada tentang kebenaran pemerhatian terhadap masyarakat Melayu yang sangat implisit dalam banyak hal.

Buku ini sesuai dibaca oleh khalayak umum, para ilmuan, para akademik dan para pelajar institusi pendidikan tinggi yang ingin mengetahui maklumat asas malah maklumat lanjut tentang bidang pragmatik, serta gambaran kehidupan masyarakat Melayu.

**Mary Fatimah Subet**

## SENARAI SINGKATAN

<b>TR</b>	Teori Relevans
<b>BF</b>	Bahasa Figuratif

Profesor Madya Dr Fatimah Hj Subet  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## **EMOSI DALAM PELBAGAI DISIPLIN ILMU**

### **EMOSI DAN KESUSASTERAAAN**

**P**uisi merupakan ungkapan emosi. Puisi menyentuh perasaan pembaca. Semua orang mengakui hakikat ini. Umum juga mengetahui bahawa puisi ialah cetusan perasaan penyair yang dikongsi bersama dengan orang lain. Penyair-penyair yang meluahkan emosi melalui puisi mereka menyusun baris-baris puisi ciptaan mereka dengan indah sekali. Terpulanglah kepada pembaca untuk menyelongkar isi hati penyair sama ada melalui baris-baris tersurat yang didedahkan secara eksplisit atau langsung mahupun melalui baris-baris tersurat yang menyembunyikan emosi tersirat atau implisit penyair.

Adakalanya kita tidak mampu meluahkan perasaan kita secara terang-terangan. Namun, ada orang yang berbakat meluahkan perasaan mereka melalui puisi. Emosi marah, kecewa, sedih, gembira, kesal, merajuk, bangga, rindu, geram, bersemangat, berasa senang, sukar, sayu, sayang, benci, meluat, dan pelbagai lagi luahan emosi berjaya dilakukan melalui ciptaan baris-baris indah atau puisi. Ini membuktikan

bahawa hati nurani manusia merupakan pusat bagi segala emosi. “Hampir semua ungkapan perasaan dalam bahasa Melayu dinyatakan dengan menggunakan kata “hati”. Kata tersebut menjadi pusat perasaan dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu tidak menggunakan kata “rasa” sebagai ungkapan perasaan kerana kata tersebut memang tidak berasal daripada bahasa Melayu tetapi bahasa Sanskrit. Bahkan, kata “hati” tersebut dipraduga sebagai pusat berfikir dalam bahasa Melayu lama kerana kata “berfikir” dalam bahasa Melayu tidak berasal daripada bahasa Melayu, tetapi daripada bahasa Arab. Ehwah ini dapat difahami kerana berfikir untuk memecahkan masalah dan untuk mencari kebenaran pada hakikatnya bukan hanya mengandalkan “otak”, tetapi berfokus pada perasaan. Oleh sebab begitu banyak ungkapan perasaan dalam bahasa Melayu, itu bererti bahawa dalam komunikasi dan dalam pergaulan kita sehari-hari, kita perlu menjaga dan memperhatikan perasaan orang lain. Betapa lemahnya badan jika hati (*liver*) terganggu, dan betapa sakitnya perasaan jika hati (sifat batin) tersinggung!” (Robert Sibarani, 1999:935).

Kesusasteraan dan emosi tidak dapat dipisahkan. Hashim Awang (1984) mengatakan bahawa kesusasteraan mengandungi unsur-unsur intelek, emosi, imaginasi, dan teknik. Rebecca Fanany (2003) mengatakan bahawa ribuan peribahasa yang lazim dipakai orang Melayu mempamerkan kesinambungan pengungkapan emosi sangat tinggi dan ungkapan ini dapat dipakai sebagai acuan dalam mengkaji bahasa, budaya serta pandangan dunia masyarakat Melayu. Rebecca telah menyatakan pandangan beliau ini dalam kertas kerja beliau yang bertajuk “Biar Badan Penat Asal Hati Suka: Pengungkapan Emosi dalam Peribahasa Melayu”.

Pada pandangan penulis, pernyataan Hashim Awang (1984) dan Rebecca (2003) di atas benar dan memberikan ruang kepada kita untuk meneroka bahasa, budaya serta

*weltanschauung* Melayu, iaitu gambaran, dunia serta pandangan masyarakat Melayu dengan menyelami emosi mereka. Penulis berpendapat salah satu medium yang berkesan digunakan untuk mengesan emosi tersebut ialah keseluruhan hasil kesusasteraan bangsa itu sendiri, bukan setakat melihat kepada peribahasa sahaja. Oleh itu, penulis berpendapat hasil kesusasteraan seperti puisi, misalnya yang terdiri daripada pelbagai genre seperti pantun, syair, gurindam, seloka, teka-teki, dan lain-lain lagi yang mewakili genre puisi tradisional dan sajak satu-satunya genre puisi moden juga mampu menghurai bahasa, budaya dan *weltanschauung* masyarakat Melayu. Menurut Fowler (1965:217) kesusasteraan merupakan rekod percubaan penulis-penulis untuk melahirkan dan menyatakan idea-idea tentang harapan, impian, perasaan, pemikiran, dan pengalaman serta hubungan dengan masyarakat. Kesusasteraan membicarakan perihal kehidupan manusia dalam masa krisis dan penderitaan batin, dengan perasaan cinta yang mendalam, serta benci, juga dorongan, kemuliaan, harapan, maruah, simpati, dan pengorbanan.

Berdasarkan kenyataan yang telah dikemukakan oleh Fowler (1965) jelas memberikan gambaran tentang pengungkapan pelbagai emosi dalam kehidupan manusia diluahkan dalam hasil-hasil kesusasteraan, dengan erti kata yang lain, semua aspek kehidupan manusia sama ada suka atau duka terangkum dalam kesusasteraan, dan ini membuktikan kepentingan kesusasteraan secara amnya dan kepentingan genre puisi khususnya. Sebagai satu gedung pengalaman manusia, hasil-hasil kesusasteraan tentunya dapat memberikan penglihatan dalaman yang boleh digunakan untuk melihat dan memahami diri mereka sendiri, manusia dan masyarakat sekelilingnya.

Menurut Mhd. Amin Arshad (1988) sebagai satu karya kreatif yang terhasil daripada pemikiran yang kreatif dan imaginatif, hasil-hasil kesusasteraan telah terjelma sebagai satu laporan tentang keghairahan seseorang pengarang

untuk menyatakan dan menyampaikan idea-ideanya tentang harapan, impian, cita-cita, fikiran, perasaan, pengalaman dan sebagainya dalam kehidupan manusia. Dengan itu, kesusasteraan memperlihatkan kemungkinan menjurus ke arah pengungkapan segala aspek kehidupan dengan segala macam perlakuan dan tindakannya. Oleh yang demikian, bahan-bahan kesusasteraan itu sesuai dijadikan sebagai alat pendidikan, terutama untuk mengimbangi rohani, mental, emosi, sahsiah, dan sosial seseorang.

Jelaslah daripada pandangan Fowler dan Mhd. Amin Arshad, puisi dan emosi merupakan satu gabungan mantap yang tidak dapat dipisahkan. Perkara ini sebenarnya telah diakui sejak dahulu lagi. Ada pendapat mengatakan bahawa puisi Melayu tradisional merupakan jiwa kepada bahasa Melayu. Melaluinya, terpancar budi masyarakat pengguna. Pendapat ini dikemukakan oleh Wilkinson dan Winstedt, (1957:3) seperti yang berikut:

Salah satu objektif penting dalam kajian terhadap masyarakat Melayu adalah untuk membolehkan sesiapa yang berhubungan dengan orang Melayu untuk memahami pemikiran dan emosi mereka. Tidak ada sesiapa pun yang akan mencuba memahami sejarah England tanpa mengkaji hasil kesusasteraannya; sejarah orang Scotland tanpa mempelajari karya Burns, dan tidak ada sesiapa boleh mengandaikan ruang pemikiran masyarakat Melayu tanpa memahami pantun ...

Pendapat Wilkinson dan Winstedt ini perlu diberi perhatian serius. Sedangkan, sejarah negara England itu sendiri dapat dikaji melalui hasil-hasil kesusasteraan mereka dan sejarah orang-orang Scotland melalui hasil karya Burns dan oleh itu, sudah pasti bahasa, budaya serta pandangan masyarakat Melayu dapat diteliti melalui puisi. Melalui kenyataan mereka juga, dapat dikatakan bahawa salah satu objektif penting kajian

Melayu adalah untuk membolehkan seseorang itu berhubung dengan orang Melayu dan sekali gus dapat memahami bukan sahaja bahasa, budaya, dan pandangan masyarakat Melayu malahan dapat memahami pemikiran dan emosi mereka.

Kemala (2004:154) juga memetik pendapat orientalis barat Winstedt dan Wilkinson (1961:iii) ini apabila mereka bercakap tentang pantun:

Pantun biasanya mempunyai makna yang luas dan kadangkala kadang susah hendak dihuraikan maknanya walaupun oleh orang Melayu sendiri. Bolehlah dibandingkan pantun Melayu dengan sajak Browning. Setengah-setengah sajak ini memang susah hendak dimengertikan ...

Kemala turut memetik pendapat Francois-Rene-Daillie (1988) yang mengatakan bahawa penemuannya dengan pantun Melayu merupakan satu episod yang menarik, "... seperti elemen utama dalam ranjau kehidupan, bukan hanya kesusasteraan itu bersangkutan dengan kehidupan, tetapi kehidupan dan kesusasteraan itu sendiri sebenarnya merupakan satu kesatuan ..." (Kemala, 2004:155).

Sebab itulah, berdasarkan pandangan yang diberikan, penulis berpendapat bahawa jelas puisi itu mengusik rasa. Puisi mencabar audiens atau pembaca untuk mengetahui lebih mendalam tentang bahasa. Puisi seronok dicipta, dibaca, dideklamasikan, dinyanyi, dan didengar tetapi keseronokan ini menuntut keseriusan, tumpuan, mengalami, dan menghayati untuk memahami mesej-mesej yang diketengahkan. Setelah bait-bait indah puisi terlakar, orang lain yang membaca puisi-puisi tersebut akan melalui satu proses apresiasi yang seterusnya menjadikan pembaca seolah-olah sama-sama mengalami dan merasai segala yang dialami oleh penyair. Pendek kata, penulis berpendapat hampir semua puisi yang tercipta, jika dihayati adalah manifestasi perasaan penyair.

Oleh itu, buku ini dihasilkan untuk melihat kebenaran pandangan-pandangan sarjana terdahulu tentang tanggapan bahawa emosi dapat diteliti dalam puisi.

Dari perspektif kesusasteraan, didapati penulisan yang menyentuh tentang puisi itu amat banyak dilakukan tetapi bukan berbentuk ilmiah. Bagi memudahkan pembahagian, penulisan bukan ilmiah seperti ini penulis kategorikan bawah peringkat mudah sahaja. Penulisan yang menyentuh perihal puisi cuma dilakukan sekadar menulis sahaja. Tidak ada teori dan tidak ada analisis ilmiah yang dilakukan. Oleh sebab tidak ada apa-apa teori dan analisis yang diguna pakai, maka penulis mendapati ada antara kajian yang mengkaji puisi “sebagai puisi sahaja”. Selain itu, penulis juga mendapati rata-rata kajian yang dilakukan bersifat permukaan sahaja. Kesemua aspek kesusasteraan seperti tema, persoalan, maksud, latar tempat, latar masa, latar masyarakat, plot, teknik naratif, sudut pandangan, pengajaran, nilai-nilai murni, dan dalam konteks kajian ini gaya bahasa, semuanya dilihat secara harfiah sahaja, iaitu mengkaji puisi dari aspek luarannya sahaja yang melihat makna tersurat atau selapis yang dapat difahami secara mudah dan jelas, (jika dalam bidang kesusasteraan, hal ini disebut sebagai kajian struktural) sedangkan kajian ini mendapati makna tersirat itu diabaikan. Hal ini demikian kerana sifat kajian itu tadi yang tidak menggunakan apa-apa teori dan tidak mengemukakan apa-apa analisis. Buku ini mengemukakan kewujudan emosi tersirat dalam puisi dengan mengemukakan satu analisis yang lebih tepat dengan aplikasi satu teori dalam bidang pragmatik, iaitu Teori Relevans (TR).

Unsur emosi banyak dikemukakan dalam gaya bahasa sajak ataupun bahasa figuratif (BF). Sebagai contoh, di luar negara (Jaini Loen, 2015), telah meneliti karya penyair besar Indonesia, iaitu Sasterawan Taufiq Ismail dalam Kumpulan Puisi “Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia”. Dalam kumpulan puisi ini (Jaini Loen, 2015), telah menganalisis kumpulan

puisi ini untuk mengesan dan mendeskripsikan makna atau unsur-unsur moral yang terdapat dalam kumpulan puisi. Di samping itu, (Jaini Loen, 2015), turut menganalisis kata-kata yang bersifat emosional yang terkandung dalam kumpulan puisi “Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia”, karya Taufiq Ismail ini. Di Malaysia pula, penulisan-penulisan yang dilakukan oleh Sasterawan Negara Datuk Rahman Shaari, misalnya, banyak melihat aspek BF dan kemudian menjelaskan maksud di sebalik penggunaan BF itu. Tulisan Rahman Shaari berjaya mengetengahkan keindahan BF dalam puisi beliau. Selain itu, tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Hashim Ismail juga seperti Rahman Shaari melihat makna ujaran melalui keindahan BF. Makna yang dikemukakan walaupun secara harfiah sahaja namun masih mampu menyerlahkan keindahan bahasa.

Kajian tentang emosi dalam kesusasteraan telah lama dilakukan, terutama di barat. Mohd. Taib (1977) menyatakan bahawa orang Melayu perlu melihat hasil kesusasteraan mereka untuk mengetahui secara lebih mendalam lagi tentang warisan mereka. Beliau mengatakan pada masa sebelum perang ataupun selepas perang, yang dikenali oleh kebanyakan kaum terpelajar Melayu ialah kesusasteraan Inggeris; lebih dekat kepada kaum pelajar Melayu hasil-hasil kesusasteraan pujangga-pujangga Inggeris daripada hasil-hasil kesusasteraan Melayu sendiri. Anehnya pula, kesusasteraan Melayu diajarkan dan diselidiki di negeri-negeri Inggeris atau di negeri Belanda. Padahal kesusasteraan sebagai pengalihan jiwa sesuatu bangsa itu, tidak dikenali oleh bangsanya sendiri.

Daripada pernyataan yang dikemukakan oleh Mohd. Taib, dapatlah dikesan bahawa orang Melayu ada yang lebih mengagung-agungkan kesusasteraan Inggeris daripada kesusasteraan mereka sendiri sejak dahulu lagi sedangkan melalui hasil kesusasteraan mereka sendiri mereka boleh lebih mengenali siapa diri mereka sebenarnya,

sedangkan dunia barat pula menggunakan kesusasteraan Melayu ini untuk mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan *weltanschauung* Melayu. Lanjutan daripada itu, Mohd Taib (1977:6 – 7) menambah:

Seperti kata orang-orang tua kita “tak ada rotan, akar pun jadi”. Maka dengan segala kekurangan yang didapati dan dengan segala masalah yang dihadapi, hasil-hasil kesusasteraan lama Melayu mestilah dibicarakan supaya masyarakat kita kenal kepada warisannya sendiri dan supaya kita sedar bahawa apa yang kita warisi itu adalah satu yang tak dapat kita singkirkan begitu sahaja. Dan lagi, kesedaran terhadap warisan kita itu akan memperkayakan pengetahuan tentang diri kita sendiri dalam menghadapi hidup kita hari ini. Kita adalah titisan daripada warisan yang kita terima.

Melalui pernyataan di atas, jelaslah bahawa hasil kesusasteraan kita sendiri sangat berguna untuk kita jadikan panduan untuk mengenali siapa diri kita yang sebenarnya dalam menghadapi hidup kita sehari-hari, dan melalui pernyataan ini juga maknanya, kita turut dapat mengesan emosi kita melalui kesusasteraan Melayu. Sehubungan dengan hal itu, penulis ingin menambah bahawa tidak semestinya kita melihat hasil kesusasteraan kita yang lama sahaja untuk mengenali siapa kita, malahan kita dapat mengenali diri kita juga melalui hasil kesusasteraan kita yang tercipta sezaman dengan kita. Dalam hal ini, penulis berpendapat hasil kesusasteraan moden juga dapat dijadikan panduan untuk mengenali bahasa, budaya dan *weltanschauung* masyarakat Melayu kerana pepatah ada mengatakan “patah tumbuh hilang berganti”. Penulisan ini juga sangat optimis bahawa hasil-hasil karya Usman Awang yang akan dijadikan data utama dalam penghasilan buku ini mampu digunakan untuk menyingkap dunia Melayu melalui kaca mata Usman Awang, bertepatan

dengan kenyataan Mohamad Saleeh Rahamad (2004:46) seperti yang berikut:

Usman Awang dan karya-karyanya mempunyai kedudukan yang penting dalam sejarah negara. Usman Awang bukan sahaja menjadi tokoh sejarah yang berada dalam bidangnya, tetapi turut membentuk sejarah pendidikan, politik dan budaya negara. Karya-karyanya itu juga merupakan bahan sejarah yang boleh digunakan oleh sejarawan untuk mengkaji sejarah negara kerana karyanya hidup menuturkan peristiwa penting dalam negara selain menjadi dokumen sejarah pemikiran bangsa Melayu abad ke-20.

Kajian yang dilakukan oleh Wong (1999), iaitu “Kesenian dan Kawalan Emosi” yang telah diterbitkan dalam *Dewan Sastera* keluaran bulan Mei, 1999 membicarakan beberapa buah cerpen yang memaparkan unsur emosi dalam pengolahan plot cerpen-cerpen berkenaan. Dalam kajian tersebut, Wong menyentuh tentang keistimewaan plot sesebuah karya yang akhirnya akan mewujudkan gambaran tentang perwatakan watak yang mencakupi latar belakang, sifat luaran dan sifat dalaman seseorang watak yang cuba diketengahkan oleh seseorang pengarang dalam karyanya.

Kajian Wong ini turut berlandaskan pendapat E. M Forster dalam karyanya *Aspects of the Novel* (Wong, 1999:60), yang membezakan antara cerita dan plot. Menurut beliau yang memetik pendapat Forster, cerita merupakan landasan asal untuk membina sesebuah plot yang mampu mendukung wawasan mendalam dan kompleks tentang kewujudan manusia. Menurut beliau, walau betapa menariknya pun peristiwa dalam cerita sehingga rentetannya mewujudkan suspens, lantas pembaca menyoal, “dan kemudian apa yang berlaku?”. Oleh hal yang demikian, di sinilah penulis berpendapat bahawa perasaan ingin tahu pembaca atau audiens yang diketengahkan dengan sesuatu karya itu dapat



dirungkai dengan mengaplikasikan satu teori yang berwibawa, dan dalam buku ini, teori yang menjadi pilihan ialah Teori Relevans (TR).

Sesebuah karya menurut Forster lagi tidak akan meninggalkan kesan mendalam tanpa plot yang tertumpu kepada soalan “mengapa?”. Menurut Wong lagi, persoalan penceritaan bertambah menarik sekiranya perwatakan dan plot dijalinan secara baik semacam kain tenunan yang indah. Selain jalinan perwatakan dan plot sesebuah cerita, terdapat juga gabungan elemen penggunaan unsur-unsur bahasa yang diolah dengan bijaksana oleh pengkarya seperti pendapat oleh Rahman Shaari (1993:vii) yang mengatakan bahawa:

Gaya bahasa terhasil daripada pilihan. Jika seseorang penulis tidak memilih cara menyampaikan fikirannya, maka karyanya tidak bergaya.

Pada pandangan penulis, oleh sebab itulah aspek kesusasteraan ini perlu dilihat lagi oleh para ilmuwan bidang bahasa kerana aspek bahasa turut menyumbang ke arah penganalisisan emosi manusia. Garapan emosi pengkarya yang biasanya mengambil tempat secara tersembunyi dalam sesebuah karya menarik untuk dikaji.

Seterusnya, menurut Wong (1996), pembaca mengharapkan suatu persembahan konflik jiwa manusia yang mendalam, yang diperkaya dengan ironi, paradoks dan keserbasalahan supaya kehidupan manusia disinari oleh *epiphany* yang boleh dikaitkan dengan pelukisan emosi seseorang kerana antara pandangan Wong tentang watak dalam cerpen yang dikaji, beliau mengatakan keikhlasan pengarang mendedahkan rasa kesal, sedih, dan resah dalam watak Sarinah itu memang nyata, tetapi imej untuk melukiskan perasaan dan emosi watak harus dipilih dengan memikirkan konotasi setiap imej. Perkembangan watak dalam cerpen, sesuatu genre fiksyen

yang padat menguji kemahiran pengarang. Maka, dengan itu, sesuai dengan pendapat Wong ini, maka penulis berpendapat kesesuaian TR juga boleh diaplikasikan dalam kajian Wong ini.

Kajian Hashim Ismail (1995) yang bertajuk “Analisis Puisi Sepanjang Zaman: BF Gaya Kiasan” telah membincangkan gaya BF dalam antologi *Puisi Sepanjang Zaman* dari sudut BF gaya kiasan. Kajian ini menarik kerana dapat mengetengahkan kekuatan sesuatu karya sastera adalah hasil daripada pengolahan bahasa yang menarik oleh pengkaryanya. Oleh itu, pemaparan analisis dan contoh-contoh gaya BF yang beliau kaji walaupun lebih menjurus kepada analisis stilistik, namun berjaya membicarakan unsur-unsur BF dalam kajiannya. Setiap gaya yang dibincangkan digarap supaya dapat menampakkan keberkesannya dalam menampilkan nilai estetik pada sesebuah puisi. Fungsi gaya BF dan kepentingan unsur-unsur kecil seperti penggunaan gaya ironi, sinekdote, eufemisme, hiperbola, personifikasi, simile, dan metafora digabungkan untuk melihat kekayaan makna figuratif kepada antologi *Puisi Sepanjang Zaman* yang diselenggarakan oleh Kamaruzzaman A. Kadir (1989).

Gaya bahasa kiasan yang disentuh oleh Hashim Ismail dalam kajian beliau ialah gaya bahasa kiasan metafora, simile, personifikasi, hiperbola, dan ironi, namun sebagai contoh, penulis akan mengetengahkan dua contoh data kajian Hashim Ismail (1995), iaitu perbincangan beliau tentang metafora dan simile sahaja.

Hashim Ismail (1995) yang menyentuh perihal gaya figuratif metafora misalnya, berusaha untuk menerangkan bahawa penyair yang kreatif mempunyai kepekaan terhadap unsur-unsur perbandingan. Menurut beliau, penyair mungkin membandingkan benda-benda yang dilihat di sekelilingnya dan melakukan perbandingan secara langsung. Kiasan langsung misalnya gabungan kata “ibu ayam” tidak lagi membawa

maksud ibu kepada ayam tetapi bermaksud tauke perempuan kepada perempuan-perempuan lacur. Menurut beliau, dengan gaya kiasan metafora, penyair dapat membandingkan sesuatu benda dengan benda yang lain. Perbandingan tersebut mungkin tidak jelas kerana metafora sering menyatukan dua perkataan sebagai satu gambaran kiasan, iaitu gabungan kata abstrak dengan kata yang konkrit. Kedua-dua kata tersebut ringkas dan dipadatkan maknanya. Hashim Ismail telah mengemukakan puisi “Kembali” karya Rahman Shaari sebagai contoh dalam kajian beliau. Dalam puisi “Kembali”, menurut Hashim, Rahman Shaari menggabungkan kata “dahan” sebagai kata konkrit dengan kata “kepintaran” sebagai kata abstrak. Yang berikut ialah petikan puisi tersebut:

Di bawah bumbungan musim baru  
di celah rimbunan suara perangsang  
dan di atas dahan kepintaran  
seberkas iman  
telah terurai di jari dogma  
tapi keakuanku kini  
mulai rajin mencari diri

Menurut Hashim Ismail (1995) melalui petikan yang diberikan, kiasan metafora melalui ungkapan kata “dahan kepintaran” dapat menggambarkan kekuatan peranan dua kata tersebut. “Dahan” sebagai tempat berpaut atau penghubung antara ranting dengan batang pokok digambarkan berperanan sebagai tempat pendirian “aku” (watak dalam puisi “Kembali”) yang bertaut antara perangsang dengan akal, untuk “aku” memikirkan soal iman dan mengenal diri “aku”. Penggunaan kiasan seperti ini, menurut Hashim Ismail (1995) lebih menjelaskan gambaran tentang kekuatan dari dalam diri “aku” dibandingkan dengan gambaran perbuatan dari luar dirinya. Tahap kesedaran “aku” secara simbolik dapat diselindungi melalui gaya kiasan metafora yang terungkap dalam kata-kata

dahan kepintaran. Jelaslah, dengan hanya mengambil contoh “dahan kepintaran” yang dikemukakan oleh Hashim Ismail dalam kajian beliau, penulis mendapati bahawa kajian Hashim Ismail ini boleh diluaskan dan dikembangkan lagi dengan menerapkan satu teori yang berwibawa, misalnya aplikasi TR untuk tujuan pembuktian.

Bagi gaya bahasa simile, menurut Hashim Ismail (1995) gaya kiasan metafora perbandingan tidak jelas berbanding dengan gaya kiasan simile. Gaya simile lebih mudah difahami pembaca. Penyair yang memilih bentuk perbandingan ini secara jelas mengiaskan suasana, peristiwa atau benda yang pada hakikatnya berbeza. Dengan penggunaan kata-kata seperti, bagai, umpama, laksana atau bak, penyair dapat membawa pemahaman pembaca kepada kerangka majaz (kiasan) yang hendak dinyatakannya. Pembaca diarah kepada satu rangkaian kata-kata yang semantikanya dihubungkan dengan kata-kata simile. Dengan kata lain, menurut Hashim Ismail, kiasan simile menghubungkan dua kerangka pemahaman yang disamaertikan dari segi konsep. Keadaan ini membolehkan penyair memperluas makna yang hendak disampaikan dan turut menghidupkan daya imaginasi pembaca terhadap makna yang dikiaskan secara perbandingan tersebut. Puisi Kemala yang berjudul “Mengenang-Mu” telah dikemukakan oleh Hashim untuk melihat gaya kiasan simile dalam puisi untuk memaparkan emosi penyair yang dikesannya. Beliau telah mengemukakan bait-bait puisi Kemala seperti yang berikut:

Mengenang-Mu bagai menatap diri pada butir embun pertama.  
Mengenang-Mu umpama tasbih dan istirahat angin di hujung daun.  
Mengenang-Mu seperti terkilau iman Yusof di depan Zulaikha.

- Mengenang-Mu bagai lahir Ainil Umar di subuh Mauludin Nabi.  
 Mengenang-Mu bak riang-riang anak menyambut ayahnya kembali.  
 Mengenang-Mu bagai gunung-gunung teguh dipayungi langit kukuh.  
 Mengenang-Mu seperti kuda putih, terbit darah kasih di keningnya.  
 Mengenang-Mu umpama menatap cermin batini, suram atau bercahaya?

Melalui bait-bait di atas, menurut Hashim Ismail (1995) perbandingan yang dikemukakan oleh Kemala secara jelas dapat mengarah pemikiran pembaca kepada gambaran kealpaan terhadap Tuhan dengan setiap kali membandingkan kenangan secara simile. Pandangan Kemala ini boleh dilakukan kajian lanjutan. Dalam TR misalnya, pelbagai andaian boleh difikirkan dan andaian yang sebenar akan dapat dikemukakan setelah melalui usaha memproses maklumat sesuai dengan langkah-langkah dalam analisis yang terpakai dalam TR. Keimanan itu sangat subjektif dan oleh sebab itu, penulis berpendapat jika ada usaha dilakukan untuk melihat semula kajian Hashim yang menarik ini boleh ditambahbaik lagi, misalnya dengan menggunakan TR untuk membuktikan emosi Kemala, yang sebelumnya hanya dibuat secara pandangan umum dalam kajian Hashim Ismail (1995) ini. Dalam menyimpulkan kajian beliau, (Hashim, 1995:1010) menyatakan penggunaan gaya BF menonjolkan nilai-nilai estetik, retorik, dan nilai-nilai konotatif. Hasilnya karya-karya puisi kaya dengan makna dan menimbulkan pelbagai kesan penghayatan kepada pembaca. BF gaya kiasan menjadikan puisi bertenaga, segar, indah, dan berkesan dari segi pengalaman dan perasaan. Pemilihan antologi *Puisi Sepanjang Zaman* adalah sebagai contoh untuk menilai BF kiasan berbentuk metafora, simile, personifikasi, hiperbola,

eufemisme, ironi, dan sinekdok. Bentuk-bentuk di atas ialah unsur terbaik yang membawa maksud kiasan. Secara keseluruhannya, BF gaya kiasan, keupayaan semantikanya terhadap makna puisi dan keindahan kenyataan konotatifnya dari sudut impresif kesusasteraan terdapat dalam beberapa banyak bentuk puisi. Walau bagaimanapun, daya estetik BF tidaklah mudah dapat dikesan kecuali dengan penganalisan bahasa yang cermat dan teliti”.

Kenyataan Hashim Ismail (1995) seperti yang digariskan, iaitu daya estetik BF tidaklah mudah dapat dikesan kecuali dengan penganalisan bahasa yang cermat dan teliti merupakan satu saranan yang baik kepada sesiapa yang berminat untuk melakukan usaha melihat semula kajian beliau ini dan penulis berpendapat penambahbaikan ini dapat dilakukan dengan menerapkan TR sebagai teori untuk tujuan pembuktian.

Muhammad Awang (1998) pula menghasilkan satu penulisan yang bertajuk “Pengintegrasian Teori dan Sistem Psikologi dalam Sastera” yang diterbitkan dalam *Dewan Sastera*, Julai 1998. Dalam tulisan ini, beliau melihat perkembangan teori psikologi dari zaman Yunani Kuno. Dalam tulisan beliau ini, beliau telah mencadangkan kajian psikologi kognitif dan karya kreatif. Beliau turut mengatakan sesuatu yang menarik perihal psikologi, iaitu “Haluan psikologi menunjukkan kecenderungan ke arah kajian bersifat pelbagai disiplin dan antara disiplin yang berbeza daripada kajian yang hanya tertumpu kepada bidang tertentu ...”. Satu contoh paling baik bagi pentafsiran semula disiplin tradisional terlihat pada kemunculan kajian sains kognitif yang melibatkan pelbagai disiplin seperti psikologi kognitif, psikolinguistik, faktor manusia, kepintaran buatan, pengurusan, pendidikan, undang-undang, perubatan dan beberapa disiplin tradisional seperti sastera. Seterusnya beliau menambah “... karyawan dan pengkritik sastera perlu memiliki ingatan tentang

ayat pelbagai tahap, yakni simbolisme dan mempunyai pengertiannya melewati makna literal ...” (Muhammad Awang, 1998:33). Pada pendapat penulis, kajian emosi itu dapat dilihat dari sudut disiplin sastera yang luas, misalnya dengan menggunakan puisi – bahasa kreatif di samping menggabungkan disiplin kognitif yang sedia wujud dalam TR. Maka, penulis mendapati sudah tiba saranan Muhammad Awang, iaitu melakukan kajian psikologi dengan mengaplikasikan pelbagai disiplin ini dilaksanakan seperti hasil kajian penulis yang dikemukakan dalam buku ini.

Selain itu, dalam kajian yang bertajuk “Bahasa Kiasan dalam Karya Sastera: Perbandingan Antara Karya Abdullah Sidek dan Azizi Haji Abdullah” oleh Sohaimi Abdul Aziz (2006) telah memperlihatkan betapa karya sastera itu tidak dapat dipisahkan daripada emosi. Dalam kajian itu, Sohaimi telah memperkatakan perihal bahasa kiasan yang terdapat dalam novel Abdullah Sidek dan Azizi Haji Abdullah yang berjaya memaparkan pelbagai emosi seperti hampa, benci, marah, empati, lega, dan simpati. Misalnya, Sohaimi telah memaparkan beberapa petikan daripada novel “Nasib Hasnah” (halaman 105) untuk membuktikan bahawa melalui bahasa kiasan itu, emosi dapat dikenal pasti seperti yang berikut: “... Sedangkan tangan kanan dengan tangan kiri, adakalanya silap lenggang dia berlaga, Hasnah,” kata ibunya memberikan nasihat. (2006:105). Melalui petikan ini, Sohaimi (2006:94), mengatakan bahawa:

Melalui bahasa kiasan di atas, pembaca diajak menerima bahawa dalam rumah tangga perselisihan suami isteri itu adalah perkara yang lumrah. Menurut beliau, dalam novel itu, abang Hasnah, iaitu Abdul Kadir empati dengan masalah dan perasaan yang ditanggung oleh adiknya.

Melalui petikan yang berikut pula, Sohaimi (2006:94), dapat mengesan emosi benci.

Engkau mesti menurut nasihat aku, janganlah bersultan di mata bermenteri di hati. (*Nasib Hasnah*, 95).

Sohaimi (2006:94) seterusnya mengatakan bahawa:

Penampilan bahasa kiasan ini membolehkan pembaca dapat merasakan betapa bencinya Saadiah kepada menantunya ini. Bagi Saadiah jangan sekali-kali menantunya itu berlagak sebagai tuan di rumah itu. Sebaliknya, Hasnah mesti mengikut perintahnya dan memberikan amaran kepada Hasnah jangan sekali-kali mengingkari perintahnya. Sungguhpun Hasnah menurut segala perintah mentuanya, Saadiah masih menuduh Hasnah sebagai wanita yang degil.

Menurut Sohaimi lagi, bahasa kiasan yang digunakan telah mengkonkritkan apa yang dimaksudkan oleh Saadiah dalam petikan yang berikut:

“... nampaknya engkau ini berperangai lemah lembut kalau memijak seekor semut pun haram takkan mati, tetapi hati keras ...” (*Nasib Hasnah*:95).

Menurut Sohaimi (2006:93) lagi:

Petikan di atas menggambarkan betapa Saadiah cuba menyindir peribadi Hasnah secara yang tidak berasas. Beliau cuba menggambarkan Hasnah seorang wanita yang tidak selari antara gambaran fizikal dan perwatakannya. Hal ini menyebabkan pembaca merasa marah kepada sikap Saadiah yang sentiasa melihat menantunya itu bersalah dan lemah.

Begitulah kajian Sohaimi yang memperlihatkan kebolehan bahasa kiasan jika ditelusuri akan mampu memaparkan pelbagai emosi tersirat yang cuba diketengahkan oleh pengarang melalui watak-watak yang dikemukakan dalam

novel. Bahasa kiasan yang terdapat dalam novel-novel yang dikaji oleh Sohaimi ini, menurut beliau memperlihatkan satu gaya bahasa yang bukan sahaja membawa satu identiti kepada pengarang tetapi juga memberikan kesan kepada pemahaman karya dan memberikan kepuasan psikologi kepada pembaca. Menurut beliau lagi, sesuatu bahasa kiasan yang digunakan oleh pengarang telah diterangkan dalam konteks yang sesuai dengan kisah yang disampaikan. Sehubungan dengan hal itu, makna bahasa kiasan itu secara sedar dijelaskan oleh pengarang mengikut konteksnya. Kajian yang dilakukan oleh Sohaimi ini menarik kerana mampu mengungkapkan emosi yang tersirat dan Sohaimi sendiri mengaku bahawa penggunaan bahasa kiasan telah dapat mengkonkritkan makna yang hendak disampaikan melalui dialog watak Saadiah dalam novel berkenaan. Dalam TR, kewujudan konteks yang ada dalam langkah analisis makna yang dihajati sesuai untuk diaplikasikan juga dalam kajian Sohaimi ini. Hal ini demikian kerana pembuktian yang lebih bersifat peka konteks dan dapat dipertanggungjawabkan, akan lebih menjadikan kajian Sohaimi ini bersifat empirikal kerana adanya pembuktian dengan aplikasi TR.

### EMOSI, BUDAYA DAN MASYARAKAT MELAYU

Mulyadi (2003) mengatakan konsep emosi telah menjadi bahan penting dalam beberapa disiplin ilmu sosial seperti antropologi, psikologi dan falsafah sejak sekian lama. Menurut beliau, dalam disiplin ilmu tersebut, pembicaraan tentang emosi sering didasarkan kepada pengalaman manusia. Misalnya, menurut beliau lagi, bagi ahli antropologi, emosi ialah gagasan kebudayaan hasil interaksi antara situasi sosial dengan peranan dan perilaku manusia. Bagi ahli psikologi pula, emosi merupakan unsur yang mendasar daripada pengalaman manusia atau sesuatu yang diwarisi sejak lahir. Dalam bidang linguistik pula, menurut beliau, penelitian konsep emosi

belum mendapat perhatian daripada para ahli bahasa. Beliau menegaskan bahawa penelitian emosi lebih banyak dilakukan untuk keperluan bidang psikologi. Sedangkan menurut beliau lagi, konsep emosi dapat mencerminkan budaya masyarakat pendukungnya. Hal ini demikian kerana konsep emosi pada dasarnya terdapat dalam sistem bahasa dan sistem budaya yang lebih luas.

Sehubungan dengan hal itu, beliau telah mencadangkan suatu perspektif baharu dalam kajian emosi. Menurut beliau, yang ingin diungkap ialah makna emosi dan norma budayanya dalam bahasa Melayu. Namun begitu, tidak semua leksikon emosi yang ditelaah. Sebab itulah, penulis berpendapat apabila emosi ini dikaji dari sudut bahasa dan linguistik, terutama sekali melihatnya dari sudut pragmatik dengan aplikasi TR, pelbagai leksikon emosi boleh dikaji sebagai pembuktian kewujudan emosi kerana dalam TR itu ada konsep *ad hoc* yang membenarkan kita melihat kepada kewujudan leksikal-leksikal yang relevan untuk mengesan emosi.

Selain itu, pendapat yang dikemukakan oleh Mulyadi (2003) memang benar kerana sejak zaman Aristotle dan Plato lagi, emosi itu cuma dilihat dari segi antropologi, psikologi dan falsafah. Sedangkan dalam bidang linguistik, perkara ini kurang difikirkan. Bertitik tolak daripada pandangan Mulyadi inilah, didapati bahawa sudah tiba masanya untuk meneliti dan seterusnya mengkaji konsep emosi daripada perspektif linguistik. Dalam bab seterusnya nanti, penulis cuba untuk menerapkan keberkesanan teori linguistik dalam penginterpretasian makna yang sahih dalam komunikasi sehala khususnya yang menggunakan BF dalam puisi sebagai data kajian yang dilanjutkan seterusnya untuk mengesan emosi tersirat dalam BF berkenaan. Penulisan ini menggunakan teori linguistik sebagai kerangka dan sandaran. Sebenarnya, emosi itu walaupun abstrak tetapi unik untuk dikaji. Pandangan Mulyadi ini juga selaras dengan pandangan Sohaimi (2006),

iaitu "... Haluan psikologi menunjukkan kecenderungan ke arah kajian bersifat pelbagai disiplin dan antara disiplin yang berbeza daripada kajian yang hanya tertumpu kepada bidang tertentu ...", oleh itu penulisan ini berpendapat saranan daripada Mulyadi dan Sohaimi ini, iaitu melihat emosi dari sudut disiplin yang berbeza boleh dilakukan. Oleh itu, sekali lagi, dicadangkan emosi dilihat dalam bidang bahasa dan linguistik, iaitu menggunakan data BF dengan tumpuan khusus kepada bidang pragmatik kerana TR akan dijadikan sebagai teori pilihan untuk tujuan pembuktian.

Antariksa (2001) mengatakan bahawa emosi adalah objek, yang dalam pelbagai bidang ilmu dan juga dalam perbincangan sehari-hari biasa diterima "begitu sahaja" (terberi, *taken for granted*), yang kini telah menjadi sebahagian daripada penelitian sosial dan kebudayaan. Penulis mendapati pandangan Antariksa ini sama seperti pandangan Mulyadi yang hanya mengaitkan emosi dengan budaya, tetapi tidak dengan bahasa.

Akan tetapi, melalui pertanyaan pokok yang diajukan oleh beliau, iaitu "Apakah hubungan antara emosi, masyarakat dan makna kultural?", penulisan ini mendapati bahawa Antariksa seperti juga Mulyadi hanya cuba melihat kaitan emosi dengan budaya sahaja, sedangkan beliau telah mengutarakan tiga cara untuk menjawab pertanyaan beliau sendiri. Pertama, merelatifkan atau mengaitkan emosi dengan antropologi. Kedua, dengan "mensejarahkan emosi", iaitu memberikan perhatian kepada wacana emosi dan ketiga, dengan memfokuskan kepada wacana sosial. Penulisan ini berpendapat usaha yang dilakukan oleh Antariksa mahupun Mulyadi ini boleh dikemaskinikan dengan cuba melangkah setapak lagi, iaitu melihat emosi melalui bahasa, kerana bahasa dan budaya itu sebenarnya berkaitan rapat. Oleh itu, penulis mendapati saranan cara kedua Antariksa ini sangat menarik untuk dilaksanakan dalam mengesan bahawa pelbagai emosi

dapat dikesan melalui wacana emosi. Seterusnya, didapati Antariksa dan Mulyadi walaupun tidak bersandarkan mana-mana teori, dalam membahaskan pandangan mereka, namun kajian-kajian mereka menarik dan dapat dimantapkan dengan menerapkan analisis teori yang berwibawa, dan dalam buku ini, penulis mencadangkan TR.

### EMOSI, TINGKAH LAKU DAN PEMIKIRAN

Bagi kajian konvensional, penulis mendapati terdapat kajian yang telah dilakukan secara tidak langsung berkaitan dengan perihal emosi di Malaysia mahupun di luar negara, tetapi kajian yang dilakukan lebih menjurus kepada kaitan emosi dengan psikologi manusia, yang lebih melihat kepada kebiasaan. Untuk kajian pada peringkat ini, didapati ada huraian terhadap kajian atau eksperimen yang dikemukakan, walaupun masih tidak ada bersandarkan apa-apa teori tetapi kajian-kajian ini menarik kerana dikaitkan dengan pemerhatian terhadap perubahan emosi, misalnya secara pemerhatian terhadap sesuatu perlakuan.

Penulisan ini mengemukakan kajian Asmah (1991) sebagai kajian pertama dalam kategori konvensional kerana kajian Asmah ini merupakan titik tolak yang penting ke arah pemahaman terhadap perlakuan masyarakat Melayu.

Asmah mengatakan bahawa orang-orang Melayu banyak memendam perasaan sejak kecil lagi, lebih-lebih lagi ekor orang-orang Melayu yang sangat menekankan kesantunan dan kesopanan ketika berbahasa. Asmah mengatakan dalam apa-apa jua topik yang dibuahkan, didapati bahawa sikap berselindung itu masih diamalkan. Mereka tidak mahu berterus-terang dalam banyak hal. Dalam *Indirectness as a Rule of Speaking Among the Malays* (1995), Asmah telah membicarakan perihal komunikasi atau percakapan tidak langsung masyarakat Melayu yang jarang-jarang diperkatakan. Percakapan yang tidak langsung ini menurut

beliau dapat dilihat dari segi aspek sosiolinguistik dan juga aspek pragmatik penggunaan bahasa. Menurut beliau, dalam kehidupan tradisi masyarakat Melayu, kanak-kanak Melayu dibesarkan untuk “dilihat” dan bukan untuk “didengar” (*Malay children are brought up to be seen and not to be heard*). Mereka diajar bahawa mereka hanya boleh bercakap dengan orang-orang dewasa jika orang dewasa mula bercakap dengan mereka. Malahan, apabila mereka bercakap, mereka diajar agar tidak memandang terus atau mengangkat muka ke arah orang-orang dewasa kerana perlakuan sedemikian dianggap biadab. Kanak-kanak Melayu ini diasuh supaya merendahkan penglihatan mata mereka ataupun melihat sedikit atau mengangkat muka sedikit sahaja ke atas atau ke arah orang dewasa apabila bercakap dengan orang dewasa, dan ini dianggap sebagai asuhan yang baik. Untuk melengkapkan lagi asuhan yang baik ini, Asmah menambah bahawa kanak-kanak diajar untuk tidak bercakap secara langsung, atau dengan erti kata lain, kanak-kanak diajar untuk menyampaikan maksud mereka dengan cara tidak langsung, tidak kira tujuan atau niat mereka, yang pasti perkara yang hendak disampaikan atau diperkatakan itu ditapis dahulu.

Oleh itu, melalui perkara yang disampaikan oleh Asmah ini, didapati orang-orang Melayu itu dididik agar bercakap dengan sopan, menjaga pertuturan mereka sejak kecil lagi. Dapatlah, dikatakan bahawa mesej-mesej yang hendak disampaikan itu seolah-olah dilindungi dahulu, barulah “dibongkarkan” dan orang yang membongkar mesej-mesej tersebut ialah orang yang mendengar atau ditunjukkan mesej-mesej tersebut. Terpulanglah kepada mereka untuk memahami mesej-mesej tersebut.

Dalam kajian tersebut juga, Asmah telah memperlihatkan kehalusan masyarakat Melayu menyampaikan sesuatu mesej dengan cara yang terselindung. Menurut Asmah, terdapat empat cara orang Melayu menyampaikan mesej yang

terselindung ini, iaitu pertama dengan cara *beating about the bush* (B.A.B type) (yang antara lain bermaksud tidak langsung, tidak mahu berterus terang, berselindung); yang kedua ialah *imagery* (imejan, bayangan) yang ketiga ialah *contradictions* (penyangkalan/penyanggahan/berlawanan) dan keempat ialah *surrogate* (penggantian/perantara). Menurut beliau lagi, walaupun mesej sebenar yang hendak disampaikan itu tidak dinyatakan secara berterus terang, namun mesej tadi dapat disampaikan kepada pendengar yang membuat tafsiran dan andaian. Beliau telah menggolongkan pantun sebagai satu cara orang Melayu menyampaikan mesej tersirat. Pada pandangan penulisan ini, Asmah yang melihat hal ini melalui pantun menunjukkan bahawa orang Melayu yang diperkatakan itu ialah masyarakat Melayu tradisional. Penulisan ini bersetuju dengan pandangan Asmah yang menyatakan pandangan yang melihat masyarakat Melayu tradisional ini.

Kajian Asmah ini sangat menarik kerana kajian ini mengarah kajian-kajian seterusnya yang hendak dilakukan ke arah penggunaan teori yang sesuai untuk pembuktian secara lebih sahih. Walau bagaimanapun, pada zaman siber sekarang, pantun sudah jarang-jarang sekali dihasilkan, namun ada sebuah pantun dua kerat yang berbunyi “Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang”. Zaman ini zaman puisi moden, zaman yang banyak menyaksikan penciptaan sajak, bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Pada pandangan penulis juga, bukan setakat pantun sahaja yang boleh dijadikan media perantaraan perasaan ini, tetapi pernyataan perasaan juga banyak didapati dalam genre lain puisi, misalnya pengucapan sajak. Maka, penulis berpendapat, untuk mengetahui emosi masyarakat Melayu moden harus juga dilakukan dengan menggunakan sajak sebagai data pilihan. Sajak juga merupakan manifestasi emosi terpendam penyair kerana rata-rata penyair seolah-olah bermain dengan bahasa dan ini sudah semacam satu kelaziman bagi mereka. Dikatakan ini seolah-

olah telah menjadi sebahagian daripada kebudayaan orang Melayu. Penulis menyimpulkan bahawa kajian Asmah sebagai kajian konvensional yang sangat menarik kerana kajian ini mengarah kajian-kajian seterusnya yang hendak dilakukan ke arah penggunaan teori yang sesuai untuk pembuktian secara lebih sahih, dan penulis mencadangkan TR.

Selain itu, “orang Melayu sering dilabelkan sebagai bangsa yang beremosi kerana tidak dapat mengawal perasaan, emosi tidak stabil, pemaarah, pembengis, bertindak membabi buta, kurang rasional dalam sesuatu tindakan yang dilakukan, sering menimbulkan masalah, tidak dapat menghadapi tekanan, cepat bosan, kurang jati diri dan ketahanan emosi, tidak konsisten dari segi tindakan, amalan dan pendirian, mudah terpengaruh dan tidak dapat menyimpan rahsia dan janji dengan baik” (Abdul Rahim, 2004:17). Penulis berpendapat, pemikiran ini ialah pemikiran yang subjektif. Tanggapan yang subjektif merupakan tanggapan yang bias dan tanggapan yang bias terbuka untuk diperbincangkan lagi.

Penulis juga berpendapat emosi terpendam boleh sahaja dirungkaikan melalui kata-kata dan terpulangnya kepada seseorang individu yang mendengar sesuatu ujaran itu untuk mengenal pasti maksud sebenar yang hendak disampaikan. Maklumat atau pengetahuan sedia ada tentang emosi seseorang itu akan dapat membantu dalam memahami seseorang itu.

Pemikiran dan emosi ini sesungguhnya berkaitan rapat. Penulis berpendapat bahawa seseorang itu boleh disarankan untuk mengetahui pemikiran, emosi dan budaya serta bahasa masyarakat Melayu melalui puisi. Bertitik tolak daripada pernyataan ini juga telah banyak dibuktikan bahawa masyarakat Melayu banyak berfikir dan memendam perasaan mahupun emosi. Mereka tidak menyatakan segala yang difikirkan dan dirasai itu secara terang-terangan melalui pertuturan mereka seperti kajian Asmah (1995). Akan tetapi, penulis berpendapat, apabila mereka berani meluahkan emosi yang terpendam,

khususnya sesuatu perkara yang menekan mereka, mereka akan dianggap emosional dan tidak profesional sehingga dikatakan mengalami gangguan psikologi, seperti yang boleh disimpulkan melalui kajian Abdul Rahim (2004). Sebab itulah, melalui banyak pemerhatian yang telah dilakukan oleh sarjana barat dan tempatan, mereka lebih suka berkias ibarat untuk menyampaikan sesuatu itu, dan kias ibarat itu menurut penulis juga mencakupi penggunaan puisi sebagai medium untuk meluahkan cetusan perasaan mereka.

### KAJIAN TEORITIS EMOSI

Bidang pragmatik yang telah diasaskan di Barat dan diikuti oleh tokoh-tokoh seperti Morris, Carnap, Austin, Searle, Grice, Carston, Yus, Gadzar, dan beberapa orang lagi telah mendapat tempat dalam kalangan para ilmuwan di Malaysia. Di Malaysia, banyak kajian dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Sementara tentang kajian di Barat, ketika menghasilkan buku ini, penulis mendapati Francisco Yus dan Robyn Carston banyak menghasilkan penulisan yang mengaitkan perihal TR dengan BF ironi dan metafora yang merupakan hasil-hasil penulisan perihal pragmatik. Buku ini mengkategorikan tulisan-tulisan ini dalam kajian teoretis lanjutan.

Menyentuh tentang kajian teoritis di Malaysia, kajian yang menggunakan TR dipelopori oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 1986. Pada tahun 1991, Nor Hashimah telah menghasilkan satu penulisan perihal “Semantik dan Pragmatik” dalam TR. Dalam tulisan ini, Nor Hashimah telah melihat kepentingan kedua-dua ilmu semantik dan pragmatik. Menurut beliau, kedua-dua ilmu ini saling memerlukan antara satu sama lain bagi menginterpretasi ujaran. Semantik akan menentukan segala rujukan pada peringkat bentuk logik yang diperlukan, manakala pragmatik pula cuba memberikan prinsip-prinsip umum untuk pendengar mencuba



menyesuaikan rujukan sebenar bagi setiap ujaran. Bidang semantik dan pragmatik yang digabungkan beliau dalam TR, menurut beliau dengan jelas dapat menunjukkan yang masalah kekaburan dan ketaksaan boleh diatasi, dengan tanggapan penggayaan, pemilihan rujukan dan ketidaktaksaan.

Berlandaskan tanggapan ini, beliau telah memperlihatkan masalah ketaksaan dan kekaburan ganti nama dan kata sapaan dalam bahasa Melayu dapat diatasi. Beliau banyak mengemukakan contoh-contoh ayat yang mengandungi ganti nama dan kata-kata sapaan dalam tulisan beliau. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah ini mendalami aspek tatabahasa dan berjaya meneroka lembaran baharu dalam menyelesaikan masalah kekaburan yang wujud dalam penggunaan ganti nama dan kata sapaan dalam bahasa Melayu.

Pada tahun 1991 juga, Nor Hashimah dengan berlandaskan TR ini semakin giat menghasilkan penulisan yang menyentuh perihal teori ini. Beliau telah menghasilkan satu kajian tentang ketersiratan makna atau mesej dalam tulisan beliau yang bertajuk “Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis TR”. Dalam kajian beliau ini, Nor Hashimah telah menggunakan konsep “implikatur” bagi menjelaskan ketersiratan makna dalam ujaran.

Pada tahun 1992 pula, Nor Hashimah sekali lagi menghasilkan kajian yang bertajuk “Implikatur: Satu Aspek Seni Berbahasa Orang Melayu”. Secara ringkasnya, dalam kajian ini, beliau telah berjaya menonjolkan mesej tersirat dalam seni tawar-menawar dalam urusan jual beli masyarakat Melayu Kelantan. Seni tawar-menawar yang dikaji ini berjaya membuktikan bahawa kedua-dua pihak, iaitu pembeli dan penjual, masing-masing tidak rugi berlebihan dan tidak pula untung berlebihan. Menurut beliau, walaupun dalam bidang perniagaan, keterampilan penutur bermain bahasa jelas terserlah. Kajian beliau ini telah beliau lanjutkan dalam penulisan tesis pada peringkat doktor falsafah pada tahun 1995

yang bertajuk “Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik”.

Melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah, penggunaan TR untuk membuktikan satu-satu dapatan itu bukan setakat sesuai diaplikasikan dalam bidang bahasa, namun pada pandangan kajian ini, teori ini juga mampu meleraikan masalah kekaburan emosi masyarakat Melayu dengan mengkaji korelasi antara emosi dengan BF yang merupakan satu pendekatan multidisiplin antara bidang psikologi, bahasa dan linguistik dan sastera. Hal inilah yang diketengahkan dalam buku ini.

Sementara itu, Yus yang sangat mendalami TR juga berpendapat bahawa tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap penggunaan bahasa untuk mencari ketersiratan makna sesuatu ujaran yang dikomunikasikan. Beliau telah menghasilkan satu penulisan yang bertajuk *On Reaching The Intended Ironic Interpretation*. Dalam penulisan tersebut beliau mengatakan bahawa “... secara tradisinya, ironi telah lama diterima pakai sebagai strategi untuk membincangkan kemungkinan komunikasi yang mengandungi ketersiratan makna atau yang membawa pengertian konotasi daripada maksud sebenar yang hendak diujarkan ...” (Yus 2000:1).

Yus mengatakan dalam menentukan kriteria untuk memahami sesuatu ironi yang dituturkan, peranan kognitif perlu dilihat. Dalam TR yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson, untuk mengenal pasti ironi, adalah penting untuk mencari persamaan antara makna ujaran sebenar yang hendak dikemukakan dengan sikap penutur ketika pendengar menerima makna ujaran yang mereka maksudkan. Proses pemahaman terhadap ironi ini akan dapat dipercepat atau dipermudah dengan mengemukakan pelbagai sumber konteks. Dalam kebiasaan, sama ada cepat, lambat atau tidak wujud langsung sikap penerimaan terhadap ironi yang dikemukakan, adalah bergantung pada pendengar yang memproses makna

sesuatu ironi itu dengan bantuan daripada keupayaan kognitif yang terbit daripada pelbagai sumber konteks tadi. Sebab itu menurut Yus, semakin banyak sumber konteks dikemukakan, semakin mudahlah memahami sesuatu ironi itu. Oleh itu, Yus telah mencadangkan satu kriteria, iaitu satu pemudah optima dengan mengaitkan ironi dengan perspektif kognitif [*a criterion of optimal accessibility to irony is proposed from a cognitive perspective (mainly relevance-theoretic)*] yang berlandaskan TR. Hal ini sejajar seperti yang dituntut oleh Sperber dan Wilson. Tambah Yus, Sperber dan Wilson telah menegaskan untuk mengenal pasti sesuatu ironi dalam bahasa, adalah penting untuk mencari makna tersirat sesuatu ujaran dengan melalui makna tersurat yang disampaikan oleh penutur. Proses menggabungkan makna tersirat dan tersurat ini menurut beliau dapat dipercepatkan dan dipermudahkan dengan mempelbagaikan sumber konteks tadi, iaitu satu lagi komponen penting dalam TR.

Sehingga ke hari ini, menurut Yus lagi, ironi telah banyak diterima umum sebagai sesuatu yang memaparkan pelbagai makna tersirat daripada makna tersurat. Akan tetapi, yang dikesali, menurut beliau, tidak banyak kajian yang dijalankan untuk melihat keberkesanan ironi ini. Dengan itu, beliau berpendapat dan menyarankan bahawa sebenarnya perkara ini masih perlu dibincangkan oleh para ahli ilmuwan dan menurut beliau lagi, sehingga sekarang, masih tidak terdapat satu persetujuan pun dalam kalangan para ilmuwan akan keberkesanan ironi dan satu penjelasan yang seragam menurut beliau lagi perlu dicapai dengan memberikan satu kata putus yang sama.

Daripada saranan Yus inilah walaupun tiada contoh ironi yang dikemukakan, didapati perspektif kognitif itu dapat diterokai juga dengan mengaitkan pemikiran itu dengan emosi, kerana umum mengetahui bahawa daripada pemikiranlah wujud sesuatu emosi dalam diri manusia, yang

seterusnya diungkapkan dengan penggunaan bahasa, sebagai medium perantaraan untuk menyampaikan sesuatu yang dimaksudkan. Sesungguhnya, peranan bahasa perlu diberi perhatian sewajarnya dalam melihat keberkesanan sesuatu teori yang diguna pakai dalam mana-mana kajian. Buku ini akan mengemukakan data-data ironi dalam bab seterusnya untuk menjelaskan lagi perkara ini.

Wilson dan Carston (2006), turut mengemukakan dapatan yang mengaplikasikan TR dalam artikel, *Metaphor, Relevance and the Emergent Property*. Dalam artikel tersebut mereka mengemukakan cara memahami ujaran bersifat metafora. Menurut mereka, seseorang pendengar akan mendekod makna linguistik yang didengar mereka dengan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Oleh sebab makna ujaran biasanya dapat dipecah-pecahkan kepada beberapa bahagian dan adakalanya tidak lengkap, makna sebenar yang hendak diujarkan oleh seseorang itu biasanya lebih luas daripada itu. Menurut mereka lagi, hal ini tidaklah begitu menonjol dalam komunikasi lisan, namun sangat jelas dalam ujaran yang menggunakan metafora. Mereka mengemukakan contoh ayat *Caroline is a princess*. Dalam ayat ini, pendengar mendekod makna linguistik "*princess*". Makna linguistik perkataan ini ialah wanita golongan istana (puteri). Akan tetapi, jika ayat tersebut diujarkan secara berkias menggunakan metafora, menurut mereka ayat "*Caroline ialah seorang puteri*" bukanlah makna sebenar yang hendak dikemukakan. Dalam pragmatik, ayat yang menggunakan kiasan BF ini mengemukakan beberapa andaian. Misalnya, jika Caroline bukan seorang puteri, Caroline ialah seorang gadis kebanyakan yang biasa dilayan seperti seorang puteri sehingga layanan ini telah menjadikan Caroline seorang yang rosak kelakuannya kerana sudah biasa dengan layanan yang istimewa, setiap kehendak dituruti, dia tidak perlu melakukan kerja-kerja rumah tetapi orang lain melakukannya dan pelbagai andaian

lagi. Sebab itulah, menurut mereka dalam bidang pragmatik, penggunaan metafora ialah memfokus pada peralihan makna linguistik yang didekodkan kepada beberapa interpretasi terhadap BF metafora yang boleh dihasilkan. Dalam hal ini, menurut mereka lagi, penutur dilihat sebagai mengatakan Caroline itu ialah seorang puteri, dan perkataan “puteri” itu membawa perubahan kepada makna linguistik sebenar perkataan “puteri”. Hasilnya, satu proposisi telah terbentuk bahawa Caroline ialah seorang puteri, merupakan ujaran yang mengemukakan makna eksplisit di samping mengundang beberapa implikatur (makna-makna yang diimplikasikan).

Pada tahun 2002, Carston pernah menyuarakan pandangan beliau tentang pengertian sebenar metafora kerana menurut beliau wujud percanggahan pendapat sebenarnya tentang pengertian metafora itu. Beliau pernah mengutarakan persoalan *Metaphor: Loose use and ad hoc concepts – where does metaphorical meaning come from?*. Dalam kertas kerja beliau yang bertajuk *Metaphor, Ad Hoc Concepts and Word Meaning* (2002:85), beliau telah menyatakan kebimbangan beliau bahawa pengertian metafora yang diguna pakai sekarang ini sebenarnya belum lengkap kerana menurut beliau pengertian metafora itu perlu diberi nafas baharu dengan mengaitkan pengertian metafora dengan mengambil kira komponen kognitif untuk mendapat pengertian yang lebih jelas. Pendapat Carston ini juga perlu diberi perhatian kerana Carston sebenarnya menyarankan bahawa unsur metafora itu akan lebih dapat didalami seandainya dikaitkan dengan proses kognitif. Dalam hal ini, beliau tidak mencadangkan satu teori yang khusus seperti Francisco Yus, namun konsep kognitif yang disentuh beliau memberikan andaian bahawa seperti ironi, metafora juga mampu diterokai dengan mengaplikasikan TR. Carston telah mengemukakan contoh *Robert is a bulldozer*. Dalam contoh ayat ini, Carston mengatakan bahawa Sperber dan Wilson merujuk kepada ayat

tersebut sebagai ayat yang tidak berkaitan langsung antara subjek dan predikatnya. Menurut Sperber dan Wilson, ayat tersebut akan mengundang banyak implikasi konteks, kerana adalah berlawanan sama sekali atau boleh sahaja ayat tersebut digugurkan. Carston menambah untuk mencari kerelevanan ayat tersebut, caranya adalah dengan mencari kesan konteks yang luas. Kesan konteks yang luas ini nanti akan menentukan sama ada ayat tersebut mengandungi implikatur yang kuat atau lemah.

Menurut Carston, tidak terdapat satu implikatur yang kuat untuk mengenal pasti makna tersirat yang hendak dikemukakan dalam ayat *Robert is a bulldozer*. Namun begitu, ayat tersebut mampu menghasilkan implikatur yang tidak begitu kukuh tetapi dapat menyampaikan makna tersirat yang hendak dikemukakan. Menurut Carston, dengan mengambil kira keupayaan kognitif dan aplikasi konsep *ad hoc*, di samping mengambil kira pengetahuan sedia ada yang tersimpan dalam ensiklopedia, perkataan *bulldozer* itu mampu menghasilkan pelbagai pengertian baharu yang boleh diimplikasikan. Hasilnya, Robert dikaitkan dengan sikap seperti degil, tidak sensitif, mahu perhatian, tidak mahu menerima pendapat orang lain, biadab, mementingkan diri dan sebagainya. Dari sini, Carston mengatakan dari manakah semua pengertian itu muncul? Jika mengambil kira makna dari ensiklopedia, perkataan *bulldozer* itu dengan mudahnya membawa maksud *large tractor-like machine* untuk memungkah tanah, batu dan sebagainya. Jadi, Carston mengajukan persoalan, bagaimanakah muncul sikap seperti degil, tidak sensitif, mahu perhatian, tidak mahu menerima pendapat orang lain, biadab, mementingkan diri dan sebagainya? Bagaimanakah mesin boleh ada sikap ini? Hanya, manusia sahaja yang mempunyai sikap sedemikian. Di sinilah, penulis dapat melihat kepentingan peranan TR. Carston telah mengemukakan banyak contoh lain, namun secara tuntasnya,

Carston mengatakan untuk mencari makna sebenar di sebalik penggunaan metafora berkenaan, maka interpretasi terhadap metafora perlu diprojeksikan dengan mengambil kira bidang pragmatik dalam pentafsiran makna. Pengertian sebenar boleh diperoleh melalui proses penyahaksaan, penguatan dan sebagainya. Di sinilah, penulis mencadangkan TR mampu menerokai makna tersirat berkenaan.

Untuk menegaskan lagi perihal keperluan penggunaan teori yang berwibawa untuk mengesan makna tersirat di sebalik sesuatu ujaran itu, penulis seterusnya mengemukakan beberapa contoh ujaran kajian Carston, 1997 seperti yang berikut:

- i. A: *When will you be back?*  
B: *When I'm ready.*
- ii. A: *Which of your colleagues support the strike?*  
B: *Some of them do.*
- iii. A: *How many clients do you have?*  
B: *A number.*

Dalam ketiga-tiga contoh ayat di atas, menurut Carston terdapat jawapan yang tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Carston mengatakan bahawa A sebenarnya telah bertanya soalan yang sangat spesifik dan mengharap B membekalkan jawapan atau maklumat yang spesifik juga, tetapi perkara yang berlaku ialah sebaliknya. Menurut Carston dalam ketiga-tiga ujaran di atas, B sebenarnya mempunyai maklumat yang spesifik itu namun tidak mahu mengemukakannya kepada A. Dalam hal ini, jelas sekali B tidak mahu bekerjasama dengan A untuk memberikan jawapan yang diperlukan oleh A. Jelas sekali prinsip kerjasama yang diutarakan oleh Grice dilanggar, namun A dapat menangkap maksud B yang tidak mahu membekalkan maklumat

berkenaan. Maksudnya, ujaran A jika diteliti memerlukan B untuk memberikan jawapan yang pasti. Namun begitu, dalam ketiga-tiga ujaran B tidak memberikan jawapan yang diharapkan A. B seolah-olah melindungi fakta yang sebenar. B tidak mahu berterus terang. Menurut Carston, B mempunyai maklumat khusus berkenaan namun diselindunginya dan hal ini jelas sekali melanggar prinsip kerjasama yang diutarakan oleh Grice kerana B tidak mampu memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan. Oleh itu, penulis mendapati walaupun prinsip kerjasama yang dikemukakan telah dilanggar, namun jelas sekali dapat menyampaikan makna tersirat, iaitu B tidak mahu melayan pertanyaan A dengan lebih lanjut (*these are highly uncooperative responses which seems to be geared to warning A off pursuing the matter any further*). Di sinilah, keupayaan TR diharap dapat memberikan analisis yang paling hampir kepada jawapan yang diperlukan oleh A. Sebab itu saranan Sperber dan Wilson, iaitu dalam metafora walaupun terdapat pelanggaran maksim atau prinsip kerjasama, makna yang diungkapkan masih mampu ditanggapi. Maka, penulis berpendapat TR sesuai diaplikasikan untuk mencari makna tersirat dalam metafora. Buku ini akan meneliti hal ini dalam bab seterusnya melalui beberapa data metafora dan data-data bahasa figuratif yang lain yang diambil daripada sajak Usman Awang.

## EMOSI, BAHASA DAN LINGUISTIK

Dari perspektif bahasa dan linguistik ini, penulis mendapati sesuatu kajian itu kadangkala berdasarkan pandangan umum sahaja, namun mampu diterokai lebih mendalam lagi. Misalnya, penulisan-penulisan yang dilakukan oleh Rahman Shaari. Beliau banyak melihat aspek gaya bahasa sesuatu puisi itu, mengemukakan BF yang digunakan dan kemudian menjelaskan maksud di sebalik penggunaan BF itu.

Penulis berpendapat Rahman Shaari berjaya mengetengahkan keindahan BF dalam kajian beliau. Pengkaji berpendapat untuk mengembangkan lagi kajian Rahman Shaari ini, kita boleh melihat ke akar umbi alasan seperti bagaimana dan mengapa pengarang menggunakan BF berkenaan dan apakah emosi yang cuba diluahkan oleh pengarang dalam karya mereka. Persoalan ini dikemukakan oleh pengkaji kerana Syed Arabi (1992), mengatakan bahawa "... dalam penyelidikan, pengkaji memulakan proses penyelidikannya selepas menentukan permasalahan, dia akan bertanya-tanya mengapakah satu kejadian itu berlaku ...". Kemudian beliau menambah "... permasalahan itu dapat dinyatakan dalam satu bentuk soalan ringkas" (1992:4). Begitu juga tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Hashim Ismail yang juga seperti Rahman Shaari melihat makna ujaran melalui keindahan BF, iaitu melihat makna yang dikemukakan secara harfiah sahaja. Seperti Rahman Shaari, kajian Hashim Ismail menarik sebab mampu menyerlah keindahan bahasa. Ekoran itu, penulis berpendapat untuk menambah baik kajian-kajian yang sedia ada ini dan menjawab persoalan bagaimana dan mengapa pengarang menggunakan BF berkenaan dan seterusnya menyingkap emosi tersirat penyair, penulis berpendapat "bagaimana", "mengapa" dan "apakah" emosi penyair dapat ditelusuri dengan melakukan penelitian lanjut berlandaskan TR yang telah mampu membuktikan kewibawaannya dalam menyingkap makna yang diimplikasikan dalam sesuatu ujaran.

Terdapat juga penulisan tentang bahasa yang diakui kesahihannya kerana bersandarkan teori-teori yang berwibawa seperti kebanyakan hasil tulisan Sperber dan Wilson (1986), yang berlandaskan TR. Mereka telah mengemukakan tentang kategori BF seperti metafora (bahasa kiasan yang menggabungkan unsur konkrit dan abstrak), ironi (unsur bahasa sindiran) dan hiperbola (unsur bahasa berlebih-lebihan

jika digunakan berjaya menyampaikan sesuatu maksud yang dihajati. Pendek kata mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan BF ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengarnya.

Buku ini berpendapat perkara yang dimaksudkan oleh Sperber dan Wilson ini merupakan maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam sesuatu ujaran akan dapat juga difahami walaupun pengujar menggunakan bahasa kiasan untuk menyampaikan ujarannya, ataupun pengujar tidak semestinya bercakap secara langsung, masih boleh berselindung di sebalik bahasa dan kadang-kadang percakapan yang berselindung ini akan juga diketahui. Pengujar menyalurkan maklumat sementara pendengar pula sama ada berupaya membuat pemahaman secara terus, atau tidak, boleh membuat spekulasi, andaian dan akhirnya memikirkan maklumat sebenar yang ingin disampaikan. Oleh itu, dalam proses memahami ujaran, pendengar dibenarkan memikir dan membuat interpretasi. Di sinilah keupayaan berfikir atau kognitif diperlukan untuk mencerna maklumat yang diperolehi tadi. Hal ini terdapat dalam TR. Menyentuh tentang bercakap dengan menyelitkan BF ini, dalam TR Sperber dan Wilson (2006:1), juga mengatakan seperti yang berikut:

Pencipta teori Relevans bersetuju dengan tanggapan Grice (1975), iaitu sesuatu ujaran akan menimbulkan kerelevanan, tetapi mempersoalkan beberapa aspek kenyataan beliau, termasuk keperluan kepada Prinsip Kerjasama dan maksim-maksim berkenaan, pemfokusan terhadap proses pragmatik yang menyumbang kepada implikatur daripada keeksplisitan, kandungan syarat benar, peranan pelanggaran maksim yang disengajakan dalam interpretasi ujaran, dan menangani ujaran-ujaran berkias yang dikatakan melanggar sesuatu maksim atau konvensi benar ...

Sperber dan Wilson mengkritik hebat teori Grice ini. Mereka mengemukakan beberapa alasan, antaranya BF tadi. Menurut mereka, BF yang antara lain termasuk unsur-unsur seperti metafora, ironi, dan hiperbola sering digunakan dalam menyampaikan mesej yang tersirat. Penggunaan BF menurut mereka lagi melanggar maksim Grice namun tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej. Oleh itu, kemampuan BF menyampaikan mesej tersirat walaupun berlaku pelanggaran maksim, menjadi salah satu alasan mereka mengkritik teori Grice. Selain itu, menurut mereka lagi, dalam teori ini masih wujud kekaburan antara bidang ilmu semantik dan pragmatik. Begitu juga prinsip kerjasama dan empat maksim yang dikemukakan oleh Grice mempunyai pertindanan fungsi, dan melewahi, sedangkan menurut Sperber dan Wilson, kesemua maksim Grice ini boleh disatukan dalam satu maksim sahaja, iaitu maksim relevans. Kegagalan teori ini, memberikan laluan kepada kemunculan TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 yang kemudiannya dikemaskinikan lagi pada tahun 1995, Sperber dan Wilson (2006:1), mengatakan:

Teori Relevans bolehlah dilihat sebagai cubaan untuk menjelaskan dengan terperinci dakwaan Grice, iaitu ciri penting dalam kebanyakan komunikasi, termasuk verbal dan non-verbal ialah ekspresi dan penerimaan kehendak/niat (Grice, 1989: Essays 1 – 7, 14, 18: Restropective Epilogue). Ketika mengemukakan dakwaan inilah, Grice telah memulakan satu asas, iaitu mengemukakan model inferens dalam komunikasi, satu pilihan selain kod model klasik. Menurut model klasik ini, seseorang penguji mengekod mesej yang hendak diujarkan kepada satu syarat, yang diterima oleh pendengar menggunakan rujukan kod berkenaan. Menurut model inferensi, penutur membekalkan bukti tentang ujaran yang mempunyai niat tertentu, yang seterusnya diterima oleh pendengar

berdasarkan bukti/rujukan yang boleh diterima tadi. Sesuatu ujaran sememangnya satu kod linguistik yang mempunyai bukti, dan dengan itu ujaran verbal tadi hanyalah merupakan satu isyarat yang mengandungi elemen mendekod. Tetapi, makna linguistik yang ditemui setelah mendekod tadi hanyalah satu input kepada proses inferens yang menghasilkan satu interpretasi terhadap sesuatu ujaran.

Merekalah yang melakukan kajian yang menggunakan teori ini dan berusaha meyakinkan pengamal bahasa yang lain untuk menerima teori ini. Kemudian kajian Sperber dan Wilson ini telah memberikan laluan kepada anak-anak didik mereka untuk melakukan pula kajian teoretis lanjutan menggunakan TR, misalnya, di Malaysia, yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin yang muncul dengan banyak kajian bermula sekitar tahun 1990-an sehingga kini. Selain itu, kajian-kajian yang menggunakan TR juga telah dilakukan oleh Salmah (1999), Maslida (1999), Muhammad Fauzi (2003) dan Hasmidar (2006). Kajian-kajian ini mengemukakan bidang yang berbeza-beza tetapi mempunyai persamaan dari segi teori yang digunakan. Sehubungan dengan hal itu, didapati kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana di Malaysia walaupun menerapkan TR sebagai landasan, namun data yang digunakan sebagai pembuktian bukan daripada data puisi. Kebanyakan data yang dikutip untuk kajian-kajian yang dilakukan ialah kajian tatabahasa seperti kajian Hasmidar (2006), kajian Muhammad Fauzi (2003) yang menggunakan BF sebagai data yang diperoleh daripada genre novel Arab, kajian Maslida (1999) yang menggunakan data yang dikutip daripada genre cerpen, kajian Salmah (1999) yang menggunakan data bahasa humor daripada majalah-majalah humor dan lain-lain lagi. Oleh hal yang demikian, buku ini mengetengahkan satu usaha yang telah dilakukan dengan

mengkaji BF dalam puisi berlandaskan pandangan Sperber dan Wilson yang belum lagi banyak dilakukan. Genre puisi dipilih kerana genre inilah yang banyak mengemukakan BF dalam penciptaannya.

Di luar pula, kajian-kajian yang bersandarkan TR ini antara lain dilakukan oleh tokoh-tokoh linguistik seperti Patricia Matos Amaral (2000), Carston (2002), dan Yus (2000). Patricia Matos Amaral dan Robyn Carston kerap melakukan kajian BF perihal metafora, sementara Francisco Yus pula melakukan kajian perihal ironi seperti para sarjana di Malaysia, mereka menggunakan TR sebagai membuktikan kajian mereka. Mereka mengkaji aspek metafora dan ironi dengan menggunakan ujaran-ujaran yang diperoleh daripada cerpen sebagai data kajian. Semua kajian yang dikemukakan tergolong dalam kajian yang menyentuh perihal sama ada emosi, BF, dan TR.

## EMOSI DAN ANTROPOLOGI

